

# Baka puyuh pedaging sendiri

SEMENTARA itu, Malaysia telah mengeluarkan baka burung puyuh pedaging sendiri iaitu Puyuh IKTA untuk ternakan komersial.

Baka tersebut dihasilkan untuk pengeluaran daging yang lebih berkualiti dan dijamin menguntungkan.

Puyuh IKTA adalah dari jenis *Coturnix*, berwarna coklat gelap dan bercerek kekuningan di belakang badan dan lebih cerah di bahagian abdomen (perut).

Puyuh jantan boleh membesar setinggi 6.5 inci dengan warna coklat (cinnamon) di bulu bahagian atas leher dan bawah dada.

Puyuh betina pula boleh membesar setinggi 7.5 inci. Warna bulu puyuh betina kelihatan sama seperti burung puyuh jantan kecuali bulu di bahagian leher dan atas dada lebih panjang, lurus dan berwarna cerah serta berbintik hitam.

Bagi puyuh penelur, jangka hayatnya antara dua hingga dua tahun setengah dengan berat badan jantan kira-kira 100 hingga 140 gram (g), manakala puyuh betina pula antara 120 hingga 160 (g) seekor.

Puyuh penelur mula bertelur ketika berumur 40 hingga 50 hari dan berupaya bertelur sebanyak 200 hingga 300 biji setahun dengan purata berat sebiji telur ialah 10 gram dan bercorak beraneka warna coklat, biru dan putih bertompok-tompok.

Anggaran berat sebiji telur puyuh adalah lapan peratus berat badan puyuh betina dan anak puyuh penelur adalah antara 6 hingga 8 gram seekor.